

08 MAY 2003

ABDUL MALIK AKAN DISAMBUT MERIAH DI DATARAN LANG

LANGKAWI, 8 Mei (Bernama) -- Ribuan penduduk akan berada di Dataran Lang, di sini pada 25 Mei untuk menyambut ketibaan perenang Abdul Malik Mydin, yang mahu mencipta rekod sebagai perenang solo paling jauh di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan Pembangunan Koperasi Kedah, Datuk Mohamed Hassan Bulat berkata perenang itu akan memulakan renang dari Jeti Kuala Perlis pada 24 Mei dan dijangka mengambil masa 20 jam untuk menamatkan renangnya sejauh 48km itu.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melepaskan perenang itu di Jeti Kuala Perlis pada 24 Mei dan dijangka bersama orang ramai menyambut ketibaan Abdul Malik di Dataran Lang.

"Kita telah mengatur sambutan yang meriah bagi menunjukkan sokongan rakyat negara ini terhadap kegigihan beliau," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa sambutan cabaran itu di sini hari ini.

Abdul Malik, 28, dari Pulau Pinang, juga bercita-cita untuk mencipta nama sebagai rakyat Malaysia pertama berenang menyeberangi Selat Inggeris pada Julai depan, melibatkan jarak sejauh 32.8km.

Abdul Malik kini mengadakan latihan di Melbourne, Australia di bawah pengawasan jurulatih, John Van Wisse.

Mohamed Hassan berkata Abdul Malik akan disertai 30 kayak, yang akan mengiringi beliau ketika jarak antara 15 hingga 20km sebelum sampai ke Dataran Lang.

-- BERNAMA

ZI MZM ERE RON